

21 AUG 1998

Mahathir-Tekanan

JANGAN GUNA TEKANAN ASING UNTUK KEUNTUNGAN POLITIK

KANGAR, 21 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata parti-parti politik di negara ini tidak seharusnya menjadikan tekanan orang asing sebagai peluang untuk mendapatkan keuntungan politik.

Perdana Menteri berkata, perbuatan seumpama itu adalah sama dengan bersubahat dengan musuh dari negara luar untuk melemahkan negara sendiri.

Ketika berucap pada majlis perhimpunan rakyat di Stadium Utama di sini petang ini, beliau berkata kegawatan ekonomi yang kini memberi tekanan kepada negara adalah berpunca daripada orang asing.

Mungkin ada sesetengah pihak yang berpendapat bahawa kegawatan ekonomi yang menekan negara adalah peluang untuk mendapat keuntungan politik, katanya.

"Amat malang sekali jika masalah negara dijadikan umpan untuk memancing undi. Saya harap ini tidak berlaku di mana-mana," kata Dr Mahathir.

Beliau berharap rakyat Malaysia akan bersama-sama menangkis serangan ke atas ekonomi negara ini kerana kesan kegawatan ekonomi amat berbahaya.

Katanya, penjajahan akan berlaku semula jika orang asing, kuasa besar, dan pedagang asing mula menentukan nasib rakyat dan dasar sesebuah negara.

Dr Mahathir sekali lagi mengingatkan bahawa sistem pasaran bebas boleh membawa kebaikan "tapi jika disalahguna ia boleh menyebabkan kita menderita.

"Sebab itu kita perlu ada sekatan terhadap pasaran bebas."

Katanya sistem pasaran bebas yang diperjuangkan oleh negara-negara tertentu kini ternyata telah menyebabkan pelbagai masalah ekonomi.

Perdana Menteri berharap rakyat dapat menguruskan kewangan mereka dengan bijak bagi menyokong usaha kerajaan memulihkan ekonomi negara.

Sementara itu, Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata tindakan parti-parti politik yang mengeksploitasi kegawatan ekonomi untuk kepentingan politik merupakan langkah yang bertentangan dengan hasrat untuk memulihkan ekonomi.

"Rakyat tentu tidak senang hati dengan mana-mana parti pembangkang yang hanya mahu menyulitkan keadaan tanpa mahu membantu memulihkan ekonomi," katanya ketika dihubungi Bernama.

Abdullah, yang juga Naib Presiden Umno, berkata dalam usaha rakyat menggembelng tenaga menyokong kerajaan untuk memulihkan ekonomi, sebarang tindakan oleh pembangkang untuk menggunakan kegawatan ekonomi bagi mencari pengaruh tidak akan mendapat sokongan.

"Dalam menghadapi kegawatan ekonomi kita mesti memberi sokongan sepenuhnya kepada kerajaan khususnya kepada Perdana Menteri...ini adalah satu cara yang boleh meyakinkan semua orang sama ada negara-negara sahabat, pelabur dan peniaga bahawa ada perpaduan di Malaysia untuk sama-sama mengatasi kegawatan ekonomi," katanya.

-- BERNAMA

AZZ NMO